



Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mempelawa Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan seperti berikut:

IKLAN BILANGAN 1/2023 JAKIM

**PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM GRED S41
[KONTRAK JAKIM]**

Taraf jawatan : **Kontrak (*Contract of Service*)**
Bayaran Gaji : RM2,078.00 Minima
RM9,544.00 Maksimum

Penempatan : Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) (3 kekosongan)
Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS) (2 kekosongan)

DESKRIPSI TUGAS

Bil	Penempatan	Deskripsi Tugas
i.	IKMAS	<ul style="list-style-type: none">i. Menjalankan secara profesional tugas mengajar dalam bidang al-Quran dan al-Sunnah, bidang Bahasa (Arab), dan bidang Usuluddin bagi setiap program pengajian yang terdapat di IKMAS.ii. Bertanggungjawab mendidik akhlak dan sahsiah pelajar.iii. Melaksanakan tugas penyelidikan akademik bagi penerbitan artikel atau jurnal.iv. Bertanggungjawab dalam bidang pendidikan dan pengurusan bagi mencapai objektif dan fungsi yang telah ditetapkan oleh IKMAS.
ii.	IPDAS	Menyediakan rancangan pengajaran & pembelajaran mingguan dan semester, jadual spesifikasi ujian dan jadual penentu ujian untuk proses penyediaan soalan, menyediakan rubrik tugas kerja kursus seperti pembentangan, kertas tugas, program dan ujian, soalan dan skrip jawapan peperiksaan akhir, menyemak skrip jawapan peperiksaan akhir, markah dan menganalisa keputusan untuk kerja kursus dan ujian pertengahan semester, markah dan menganalisa keputusan peperiksaan akhir, melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran program sijil dan diploma, melaksanakan aktiviti sebagai pengawas peperiksaan akhir program diploma dan sijil, melaksanakan tugas penyelidikan dan mencari kaedah serta strategi baru dalam pengajaran bagi meningkatkan penguasaan pengajaran kepada pelajar, melaksanakan penyelidikan dan penulisan akademik bagi penerbitan artikel dan jurnal.

SYARAT PERMOHONAN

1. Warganegara Malaysia;
2. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
3. Berkelulusan:
 - i. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengajian Islam yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. **[Gaji Permulaan pada Gred S41: RM2,078.00]; atau**
 - ii. Ijazah Sarjana Muda kepujian dalam bidang Pengajian Islam yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. **[Gaji Permulaan pada Gred S41: RM2,281.86].**
 - iii. Memiliki kepujian sekurang-kurangnya Gred C dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Keutamaan:

Bil	Penempatan	Keutamaan
i.	IKMAS	<ol style="list-style-type: none">i. Pengalaman dalam bidang pendidikan dan pengurusan;ii. Keutamaan diberikan kepada Anak Negeri Sarawak; daniii. Keutamaan kepada calon dalam bidang al-Quran dan al-Sunnah, bidang Bahasa (Arab), dan bidang Usuluddin.
ii.	IPDAS	Mempunyai ijazah dalam bidang Al-Quran dan Sunnah / Tafsir / Hadis.

PEMATUHAN KEPADA SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN

Permohonan adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan bagi jawatan yang dimohon yang sedang berkuat kuasa dan pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

CARA MEMOHON

1. Pemohon-pemohon hendaklah membuat permohonan **secara atas talian** melalui sistem Pendaftaran Pekerjaan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA9) di alamat dengan melayari Portal Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia di alamat: <http://spa9.spa.gov.my>.
2. **Panduan Pemohon:** Pada **Menu Jawatan Yang Dimohon**, sila pilih **Lantikan Kontrak/ Tetap (Bukan Lantikan SPA)**. Pilih jawatan yang ingin dimohon seperti iklan di atas.
3. Alamat untuk surat-menyurat, alamat e-mel dan nombor telefon pemohon untuk dihubungi hendaklah tepat, terkini dan masih aktif.
4. Hanya permohonan yang dibuat dalam tempoh iklan sahaja akan diproses.
5. Sebarang keterangan lanjut boleh dirujuk kepada:
 - Seksyen Jawatan Kontrak & Pengurusan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, JAKIM
☎ 03-8870 7684 / 03-8870 7685 / 03-8870 7697

TARIKH TUTUP PERMOHONAN

13 APRIL 2023 (KHAMIS), JAM 11.59 MALAM